

Menyambung warisan

PERSATUAN Seni Silat Gayung Fatani Sekolah Menengah Perempuan Ampang ditubuhkan pada pertengahan 70-an bertujuan menjaga keselamatan pelajar kerana pada masa itu keadaan sekeliling dan kawasan berhampiran sekolah tidak menyenangkan.

Pengasas persatuan berkenaan, Cikgu Azizah Alimon, berkata disebabkan itu, kebanyakan pelajar yang menyertai persatuan berkenaan diberi penekanan terhadap ilmu kebatinan.

"Pada masa itu, tujuan ilmu kebatinan itu diterapkan bukan hanya untuk silat semata-mata kerana ia juga memberi penekanan terhadap pelajaran agama," katanya, baru-baru ini.

Bagaimanapun, pengajaran ilmu kebatinan itu diberhentikan pada 1980 kerana keadaan persekitaran yang lebih selamat dan tidak lagi begitu mengancam keselamatan pelajar.

Antara pelajar sekolah ini yang pernah mendapat penghormatan tertinggi dalam silat ialah Masliza Abu Bakar apabila memperolehi pingat perak bagi Kelas B Kejohanan Silat Sedunia di Kuala Lumpur, 1987. **13 JAN 1990**

Masliza pada masa itu ialah pelajar tingkatan enam atas sekolah berkenaan. **B. Harian (M)**

Kejayaan pelajar itu mendorong lebih ramai pelajar membabitkan diri.

